

SULIT



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN
MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2011/2012**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN ALAM SEKITAR
KOD KURSUS : BPE 3363/ BPD 3302
PROGRAM : 3 BPD / BPC
TARIKH PEPERIKSAAN : JANUARI 2012
JANGKA MASA : 3 JAM
ARAHAN : BAHAGIAN A
JAWAB SEMUA SOALAN

BAHAGIAN B
JAWAB TIGA (3) SOALAN
DARIPADA EMPAT (4) SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A (25 Markah)

S1 Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) telah diwujudkan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari.

Bincangkan **EMPAT (4)** prinsip dalam DASN dan kaitannya dengan senario di Malaysia.

(25 markah)

BAHAGIAN B (75 Markah)

S2 ISO 14001 juga dikenali sebagai Sistem Pengurusan Persekitaran. ISO 14001 sangat membantu dalam melaksanakan sistem pengurusan persekitaran yang bersistematik.

(a) Huraikan elemen Dasar Persekitaran.

(10 markah)

(b) Bincangkan **TIGA (3)** kelebihan sesebuah industri dalam melaksanakan ISO14001.

(15 markah)

S3 Penilaian Kitar Hayat merupakan satu metodologi yang menerapkan perspektif kitar hayat yang melibat penganalisis produk dan perkhidmatan.

Huraikan elemen-elemen dalam ISO 14041 seperti berikut.

(a) Analisis Inventori Kitar Hayat.

(10 markah)

(b) Penilaian Kitar Hayat.

(15 markah)

S4 Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 menetapkan 19 aktiviti yang perlu menyediakan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA).

(a) Jelaskan definisi Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling.

(5 markah)

(b) Huraikan **Lapan (8)** jenis aktiviti yang memerlukan penyediaan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling.

(20 markah)

S5 Pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengurangkan kemalangan yang berlaku di tapak pembinaan. Antaranya ialah dengan penguatkuasaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA).

(a) Huraikan **LIMA (5)** jenis hazard di tempat kerja. (5 markah)

(6) Bincangkan **LIMA (5)** peruntukan Akta tersebut. (20 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT